

MENYEDARI pentingnya bioteknologi dalam kehidupan harian, Persatuan Mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Seminar Kejuruteraan Kimia (MATRES '11) bagi meningkatkan pemahaman pelajar dalam bidang berkenaan.

Aktiviti tiga hari dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni universiti berkenaan memabitkan 100 peserta dalam ka-

UMP anjur Seminar Kejuruteraan Kimia

BH (Pendidikan) Selangor 22/2/11 ms28

langan pelajar sekolah berhampiran.

Program bertemakan "Kejuruteraan Kimia untuk Pengalaman di Dunia" disertai pelajar dari Sekolah Menengah Sultanah Hajah Kalsom, Sekolah Sains Kuantan, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuantan dan Kolej Matrikulasi Melaka.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Prof Madya

Zulkafli Hasan berkata, MATRES '11 bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai kegunaan dan kepentingan bioteknologi terhadap kehidupan.

Seminar itu juga katanya, bertujuan meningkatkan minat pelajar mendalami bidang bioteknologi dan kejuruteraan kimia melalui gambaran serta sumber rujukan

yang jelas supaya mereka memahami bidang itu.

Menyokong usaha itu, Timbalan Pengarah Bahagian Matrikulasi, Awang Hambali Awang Hamdan, berkata program itu dapat memupuk minat pelajar dan mengenalpasti kebolehan mereka untuk meneruskan pengajian dalam bidang berkenaan.